WAJIB HAJI 5: MABIT DI MINA

SUASANA JEMAAH HAJI BERMALAM DI PERKHEMAHAN MINA





WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH

WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH






Jemaah Haji berjalan kaki menuju ke tempat melontar.

NOTA Jarak di antara perkhemahan di Mina Muaissim ke jamrah (tempat melontar) ialah 3.5 km (sehala) – Jemaah Haji perlu berjalan kaki.

WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH

Melontar ketiga-tiga Jamrah pada 11,12 dan 13 Zulhijjah



*Dilarang melontar untuk orang lain kecuali setelah melontar untuk dirinya sendiri.

WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH

WAKTU MELONTAR

	WAKTU DIHARUSKAN	WAKTU AFDHAL
11 ZULHIJJAH	Bermula selepas terbit fajar* 11 Zulhijjah dan berakhir apabila terbenam matahari 13 Zulhijjah	Bermula selepas gelincir matahari (Waktu Zuhur) 11 Zulhijjah
12 ZULHIJJAH	Bermula selepas terbit fajar* 12 Zulhijjah dan berakhir apabila terbenam matahari 13 Zulhijjah	Bermula selepas gelincir matahari (Waktu Zuhur) 12 Zulhijjah
13 ZULHIJJAH	Bermula selepas terbit fajar* 13 Zulhijjah dan berakhir apabila terbenam matahari 13 Zulhijjah	Bermula selepas gelincir matahari (Waktu Zuhur) 13 Zulhijjah

*Mengikut Imam al-Rafi'i, al-Asnawi dan lain-lain.

WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH

MELONTAR JAMRAH SUGHRA, WUSTA DAN KUBRA

ZULHIJJAH 11


Hari Tasyriq pertama



7 biji x 3 jamrah = 21 biji anak batu

ZULHIJJAH 12


Hari Tasyriq kedua



7 biji x 3 jamrah = 21 biji anak batu

ZULHIJJAH 13

Hari Tasyriq ketiga



7 biji x 3 jamrah = 21 biji anak batu

WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH



Suasana Jemaah Haji berjalan di jamrah untuk melontar pada Hari Tasyriq pada hari 11,12 dan 13 Zulhijjah (berpakaian biasa setelah Tahallul Awwal).

WAJIB HAJI 6: MELONTAR KETIGA-TIGA JAMRAH

KAEDAH WAKIL MELONTAR

Rujuk kepada Pegawai Perubatan dan Pembimbing Ibadat Haji sebelum urusan wakil melontar.

Melontar untuk diri sendiri dahulu sebelum melontar untuk orang lain (jika menerima *wakalah* daripada orang yang melontar). Perlu mendapat persetujuan dan keizinan orang yang diwakilkan terlebih dahulu.

Sebaiknya diwakilkan lontaran apabila masuk waktu melontar pada hari tersebut. Walau bagaimanapun, Jemaah Haji yang mewakilkan lontaran sebelum masuk waktu adalah sah.

Boleh mewakilkan lontaran melalui media sosial/telefon/ sms/'*messaging*' dengan syarat kedua-dua pihak maklum dan faham akan maksud yang dihajatkan.

NAFAR AWWAL
ATAU NAFAR THANI

NAFAR AWWAL ATAU NAFAR THANI


۞ وَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ فِيٓ أَيَّامٖ مَّعۡدُودَٰتٖۚ فَمَن تَعَجَّلَ فِي يَوۡمَيۡنِ فَلَآ إِثۡمَ عَلَيۡهِۚ وَمَن تَأَخَّرَ فَلَآ إِثۡمَ عَلَيۡهِۚ لِمَنِ ٱتَّقَىٰۗ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَٱعۡلَمُوٓاْ أَنَّكُمۡ إِلَيۡهِ تُحۡشَرُونَ ٢٠٣

"Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan Haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya. Kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka ia tidaklah berdosa dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka ia juga tidaklah berdosa; (ketiadaan dosa itu ialah) bagi orang yang bertaqwa dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan ketahuilah sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepadanya."

Surah al-Baqarah: ayat 203

NAFAR AWWAL ATAU NAFAR THANI

Nafar adalah meninggalkan bumi Mina.



NAFAR AWWAL ATAU NAFAR THANI

Nafar Awwal

Nafar Awwal ialah meninggalkan Mina pada 12 Zulhijjah.

Syarat-syarat Nafar Awwal


1. Telah melakukan lontaran pada 11 dan 12 Zulhijjah dengan sempurna.
2. Telah bermabit di Mina pada malam 11 dan 12 Zulhijjah dengan sempurna.
3. Berniat Nafar Awwal di Mina.
4. Keluar dari Mina sebelum tenggelam matahari pada 12 Zulhijjah.
5. Berazam untuk tidak kembali ke Mina pada 13 Zulhijjah dengan tujuan bermalam atau melontar ketiga-tiga Jamrah.


NAFAR AWWAL ATAU NAFAR THANI

Nafar Thani


Takrif Nafar Thani

Nafar Thani ialah keluar dari Mina pada 13 Zulhijjah apabila selesai bermalam di Mina dan melontar ketiga-tiga Jamrah pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah dengan sempurna.





Waktu Ibadat Haji



Sa'ie haji bagi mereka yang melaksanakan Haji Ifrad diberi dua pilihan; sama ada selepas Tawaf Qudum atau selepas Tawaf Ifadhah (Haji). Pertukaran hari dalam Islam bermula waktu Maghrib.

KESIMPULAN

1. Lontaran pada hari-hari tasyriq yang dilakukan sebelum subuh adalah tidak sah kerana belum masuk waktu.
2. Dalam ibadat haji terdapat dua tahallul iaitu Tahallul Awwal dan Tahallul Thani.
3. Nafar Awwal ataupun Nafar Thani adalah pilihan namun lakukanlah dengan penuh keikhlasan dan ketaqwaan.

DOA MOHON HAJI YANG MABRUR

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا وَذَنبًا مَغْفُورًا وَسَعْيًا مَشْكُورًا وَعَمَلًا صَالِحًا مَقْبُولًا وَتِجَارَةً لَن تَبُورَ



Ya Allah, Ya Tuhan kami kurniakanlah haji yang mabrur dan ampunkanlah dosa-dosa hamba dan pekerjaan haji yang dipuji, amalan soleh yang diterima dan perniagaan yang tidak merugikan.



SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIHI
DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T.

KESABARAN & KETENANGAN

SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK

GANJARAN

Haji Yang Mabrur &
Umrah Yang Maqbulah

Hadirku sebagai Dhuyufurrahman
Kembaliku dengan kemabruran